

KONSEP 'PERTUTURAN YANG BETUL' DARI PERSPEKTIF BUDDHISM : SATU TINJAUAN AWAL

The Concept Of 'Right Speech' From The Perspective Of Buddhism: A Preliminary Overview

Azhar bin Abdul Rahmanⁱ, Nor Azira Mohd Radziⁱⁱ & Khalid Ismailⁱⁱⁱ

ⁱAcademy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Malaysia

Emel: azharabdulrahman@uitm.edu.my

ⁱⁱAcademy of Language Studies (APB) Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Malaysia

Emel: norazira202@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱAcademy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Malaysia .

Emel: khalidismail@uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Jalan Lapan Lapis Mulia antara tonggak utama ajaran Buddhism. Ia merupakan praktikal yang wajib dilakukan sebagai usaha mencapai Nibbana atau Nirvana yang menandakan tamatnya penderitaan. Bagi Buddhism, kehidupan ini adalah satu penderitaan dan penderitaan itu boleh dihapuskan dengan mempraktikkan Jalan Lapan Lapis Mulia. Salah satu perkara yang terkandung dalam Jalan Lapan Lapis Mulia ini ialah Pertuturan Yang Betul. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metod dokumentasi mengumpul data dan analisis kandungan dibuat secara deskriptif. Objektif kajian untuk memahami ajaran Buddhism dengan melihat kepada nilai-nilai kemanusiaan yang boleh dikongsi bersama dan seterusnya membudayakan taaruf dan hormat-menghormati walaupun berbeza agama. Kajian mendapati ada aspek-aspek persamaan yang boleh dikongsi yang memberi faedah kepada keharmonian global. Satu kajian lanjutan boleh dilakukan untuk</i></p>	<p><i>One of Buddhism's key pillars is the Noble Eightfold Path. It is a practice that must be carried out to achieve Nibbana, or Nirvana, the end of suffering. According to Buddhism, life is a pain that can be alleviated by following the Noble Eightfold Path. The Right Speech is one of the aspects of the Noble Eightfold Path. This study is qualitative in character because it collects data through documentation, and the content analysis is done descriptively. The study's goal is to better understand Buddhism's teachings by examining universal human principles that can be shared, so by building taaruf and respecting people of different faiths. According to the findings, there are areas of commonality that can be shared to promote global harmony. A more in-depth investigation of this issue from an Islamic perspective is possible. Individuals and academics interested in cultural and</i></p>

<p><i>mengkaji konsep ini dari perspektif Islam. Kajian ini memberi faedah kepada individu dan sarjana yang berminat dalam kepelbagaian budaya dan pemikiran, perbandingan agama dan dialog peradaban.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Pertuturan Yang Betul, Buddhism, Jalan Lapan Lapis Mulia, Dialog Peradaban.</i></p>	<p><i>philosophical diversity, religious comparisons, and civilizational discussion would profit from this research immersively.</i></p> <p>Keyword: <i>Right Speech, Buddhism, the Noble Eightfold Path, Dialogue of Civilizations.</i></p>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PENGENALAN

Terdapat dua asas penting ajaran Buddha yang melibatkan soal teori dan praktikal. Kedua-duanya ini saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan satu sama lain. Dinamakan Jalan Empat Kebenaran Mulia dan Jalan Lapan Lapis Mulia. Secara teorinya, pengikut Buddhism perlu mengetahui dan mempelajari Jalan Empat Kebenaran Mulia diikuti secara praktikalnya mempraktikkan Jalan Lapan Lapis Mulia. Dengan cara ini, mereka akan berjaya memperoleh pencapaian paling tinggi dalam Buddhism iaitu Nirvana. Kertas ini hanya meninjau dan membincangkan salah satu daripada lapan ajaran yang wujud dalam Jalan Lapan Lapis Mulia iaitu Pertuturan Yang Betul. Kemudiannya, sebagai bahan dialog peradaban dinyatakan aspek nilai-nilai-nilai persamaan yang boleh dikongsi dari kacamata Islam.

Teori Jalan Empat Kebenaran Mulia memerlukan pengikut Buddhism mempercayai empat perkara asas. Ianya berkaitan dengan penderitaan, sebab yang membawa kepadanya, penamatan dan jalan untuk menamatkannya iaitu dengan mengikuti Jalan Lapan Lapis Mulia. Bagi pengikut Buddha, mengikuti Jalan Empat Kebenaran Mulia dan Jalan Lapan Lapis Mulia adalah satu kemestian dan menjadi tonggak kepercayaan dan amalan dalam Buddhisme. (Boddhi, 2000)

Buddhism mempunyai tiga buah buku rujukan utama atau kitab yang dikenali sebagai tiga bakul atau Tri-Pitaka (atau disebut juga sebagai Tri-Pitaka). Tripitaka telah di rumus dan diatur dalam bentuk yang sedia ada sekarang oleh para Arahant atau disebut ariya-puggala iaitu orang-orang suci (Nyanalitoka, 1980) yang ada pertalian rapat dengan Gautama Buddha dan merupakan koleksi ajaran Gautama Buddha selama 45 tahun. Ianya terdiri dari tiga kitab utama iaitu ; (Nyanalitoka, 1967; Snelling, 1991; Wijayaratna, 1990; Dhammanada, 2002)

Vinaya Pi-taka iaitu koleksi disiplin-disiplin. Mengandungi peraturan-peraturan dan arahan kepada para bhikkhu (monestic rule).

Sutta atau Sutra Pi-taka iaitu koleksi karangan-karangan (discourse) atau khutbah ajaran Gautama Buddha. Mengandungi pelbagai jenis buku-buku karangan, dialog, puisi-puisi, cerita-cerita dan sebagainya.

Abhidhamma atau Abhidharma Pi-Taka iaitu koleksi falsafah-falsafah dan psikologi yang sistematik atau khutbah mutlak.

Ajaran berkaitan empat kebenaran mulia ada disebut dalam Sutta Pitaka. Dalam Samyuta Nikaya (satu nikaya dalam kitab Sutta Pitaka), Buddha berkata bahawa kebenaran mulia mengenai penderitaan hendaklah difahami sepenuhnya (fully understood), kebenaran mulia mengenai asal usul penderitaan hendaklah ditinggalkan (abandoned), kebenaran mulia tentang penamatan penderitaan hendaklah disedari (realized), kebenaran mulia jalan yang membawa kepada penamatan penderitaan hendaklah dibangunkan (be developed). (Bodhi, 2000)

Ringkasnya, Jalan Empat Kebenaran Mulia ini ialah ;

1. Kebenaran mulia tentang penderitaan (dukkha).
2. Kebenaran mulia tentang kemunculan, sebab-musabab, asal usul dukkha. (samudaya)
3. Kebenaran mulia tentang penamatan dukkha (niroddha).
4. Kebenaran mulia tentang jalan penamatan dukkha (magga).

Jalan untuk menamatkan dukkha ialah dengan mengamalkan Jalan Lapan Lapis Mulia. Jalan lapan ini ialah terdiri dari pandangan yang betul (samma ditthi), fikiran yang betul (samma sankappa), pertuturan yang betul (samma vaca), perbuatan yang betul (samma kammanta), pekerjaan yang betul (samma ajiva), usaha yang betul (samma vayama), kesedaran yang betul (samma sati), dan tumpuan yang betul (samma samadhi). Dua yang pertama adalah kumpulan kebijaksanaan (panna), tiga berikutnya adalah kumpulan moral (sila), dan tiga terakhir adalah kumpulan konsentrasi. (Samadhi, 2008).

Kesimpulannya, menurut Buddhism, Jalan Lapan Lapis Mulia mewujudkan kebijaksanaan (wisdom) yang membolehkan mengatasi kejahilan yang menjadi antara punca kepada dukkha. Kebijaksanaan akan menolong pengikut Buddhism membetulkan perkara yang salah yang disebabkan oleh kejahilan. Bodhi (2000) menerangkan kebijaksanaan tidak boleh diperolehi semata-mata dengan belajar bahkan menurut Buddhism boleh diusahakan dengan mewujudkan satu keadaan dimana pengikut Buddhism mempunyai kuasa membangunkannya. Keadaan ini ialah berasaskan faktor mental iaitu salah satu komponen dalam kesedaran (consciousness) yang mana dipadankan kesemuanya dengan struktur yang sistematik yang ada dalam Jalan Lapan Lapis Mulia.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metod dokumentasi bagi mengumpul data maklumat dan kemudian analisis kandungan dibuat secara deskriptif. Pemilihan buku-buku berkaitan Buddhism adalah berdasarkan buku yang ditulis oleh sarjana-sarjana dan pengkaji-pengkaji Buddhism dan

mempunyai autoriti dalam membincangkan ajaran Buddhism. Kemudiannya, sebagai bahan dialog peradaban dinyatakan aspek nilai-nilai-nilai persamaan yang boleh dikongsi dari kacamata Islam.

PERBINCANGAN

Pertuturan Yang Betul atau Benar berada dalam turutan yang ketiga daripada lapan item dalam ajaran Jalan Lapan Lapis Mulia. Proses penyucian jiwa ini memfokuskan penyucian diri pada aspek luaran yang boleh dinilai manusia. Dua jalan sebelumnya, iaitu Pandangan Yang Betul dan Fikiran Yang Betul lebih menumpukan penyucian diri yang bersifat dalaman. Pertuturan Yang Betul dikelompokkan dalam satu kumpulan bersama Perbuatan Yang Betul dan Pekerjaan Yang Betul dan dikenali sebagai Sila. Menurut Bodhi (1999), Sila iaitu kumpulan disiplin moral (The moral discipline group) atau agregat kebaikan (virtue aggregate) yang penuhnya disebut Sila Khandha. Penyucian dalam kelompok sila ini membolehkan seseorang menyucikan jiwa dan mengisinya dengan praktik-praktik positif terutamanya soal kasih sayang atau berbuat baik yang menjadi elemen penting di dalam ajaran Buddha.

Rahula (1974) menjelaskan, Sila seolah-olah satu disiplin yang diajar Buddha bertujuan mengawal pertuturan dan tingkahlaku seseorang. Sila berasaskan konsep yang luas mengenai kasih sayang sejagat dan belas kasihan untuk semua kehidupan. Untuk seseorang menjadi insan sempurna, dia mestilah membangunkan dua kualiti secara serentak pada masa yang sama iaitu kasih sayang (karuna) dan kebijaksanaan (panna). Kasih sayang mewakili cinta, kebajikan, baik hati, toleransi dan kualiti-kualiti mulia dari sudut emosi atau hati, manakala kebijaksanaan mewakili sudut intelektual atau kualiti minda. Pertuturan Yang Betul mencerminkan kasih sayang seorang manusia dengan manusia yang lain dengan mengamalkan bercakap berasaskan keperluan dan bertutur hanya untuk perkara-perkara yang boleh membawa manfaat bersama.

Apabila seseorang menahan diri dari bentuk pertuturan yang salah dan mendatangkan keburukan, secara semulajadinya seseorang harus berkata benar, menggunakan perkataan yang mesra dan berkebaikan, menyenangkan dan lembut, mempunyai makna dan berguna. Seseorang tidak patut bercakap secara cuai. Pertuturan mestilah pada masa dan tempat yang sesuai. Sekiranya seseorang tidak boleh bercakap perkara yang bermanfaat, maka dia haruslah diam (Rahula, 1974).

Secara tidak langsung, suruhan Buddha kepada pengikutnya untuk berkata yang benar atau betul membawa kepada suruhan meninggalkan perkara-perkara buruk yang boleh dihasilkan daripada kata-kata yang buruk dan tidak betul. Pepatah yang menyatakan bahawa lidah adalah lebih tajam dari mata pedang mencerminkan betapa buruknya hasil yang diperolehi seandainya pertuturan seseorang tidak diawasi dan diperhalusi. Dengan suruhan berkata yang betul dapat menyucikan seseorang dari banyak unsur-

unsur negatif yang diterjemahkan melalui bahasa tubuh badan atau perlakuan seseorang. Sekiranya suruhan ini dikombinasi dengan suruhan sebelumnya iaitu kefahaman yang betul dan fikiran yang betul pastinya ketiga-tiga membawa kepada kelakuan yang baik dan bermoral dari sudut hati, pemikiran dan lisan.

Suruhan dan larangan melibatkan lisan adalah sebahagian daripada larangan-larangan berkaitan sepuluh perkara tidak suci berkaitan karma. Sekiranya dilakukan boleh mendatangkan karma yang tidak baik. Pertuturan Yang Betul mencerminkan kasih sayang seorang manusia dengan manusia lain dengan mengamalkan bercakap berasaskan keperluan dan bertutur hanya untuk perkara-perkara yang boleh membawa manfaat bersama. Menahan diri dari bentuk pertuturan yang salah dan mendatangkan keburukan bermaksud, secara semulajadinya seseorang harus berkata benar, menggunakan perkataan yang mesra dan berkebajikan, menyenangkan dan lembut, mempunyai makna dan berguna. Seseorang tidak patut bercakap secara cuai. Pertuturan mestilah pada masa dan tempat yang sesuai. Sekiranya seseorang tidak boleh bercakap perkara yang bermanfaat, maka dia haruslah diam (Rahula, 1974).

Dalam kitab-kitab utama Buddha dijelaskan perkara-perkara yang mesti dilakukan seseorang melalui Pertuturan Yang Betul. Ia merangkumi penghormatan terhadap kebenaran dan kebajikan orang lain. Ini bererti mengelakkan daripada berbohong, memfitnah atau memburukkan nama seseorang, mengelakkan kata-kata yang menyakitkan dan mengelakkan diri daripada bercakap sia-sia (Bodhi, 2000; Bodhi, 1999, Nanamoli & Bodhi, 1995; Dhammananda, 2002) . Berasaskan suruhan ini, kita memahami bahawa terdapat empat aspek penting dalam Pertuturan Yang Betul. Pertamanya iaitu suruhan bercakap hanya kepada perkara-perkara benar. Secara tersiratnya perintah ini mengandungi larangan kepada penganutnya dari berbohong. Keduanya, larangan membuat fitnah atau kata-kata yang boleh menjejaskan reputasi dan nama baik orang lain. Ketiganya, termasuk dalam pertuturan yang betul ialah larangan mengeluarkan kata-kata yang kasar yang boleh menimbulkan kebencian dan permusuhan. Terakhirnya larangan dari berkata perkara – perkara atau perkataan yang sia-sia yang tidak memberikan manfaat sama ada kepada diri atau orang lain. Setiap satu daripada larangan mempunyai tafsirannya tersendiri sebagaimana yang akan dihuraikan di bawah ini.

Pertamanya, larangan berbohong sekaligus suruhan kepada bercakap yang betul dan benar. Terdapat pelbagai jenis pembohongan manusia berasaskan pelbagai faktor dan situasi. Bodhi (1999) telah menggariskan beberapa perlakuan bohong yang timbul berasaskan kepada tiga faktor dalaman yang menjadi penggalak atau pencetusnya pembohongan. Faktor tersebut ialah perasaan tamak, rasa kebencian dan kepercayaan yang salah (tertipu dengan diri sendiri) atau delusi. Tamak menjadi motif utama seseorang berbohong dengan tujuan mendapatkan kepentingan peribadi

dirinya atau seseorang yang dekat dengannya. Antaranya seperti mendapatkan kekayaan, kedudukan, penghormatan atau dikagumi orang lain. Dengan faktor kebencian sebagai motif, pembohongan cenderung kepada mencederakan atau merosakkan orang lain. Bila delusi menjadi motif, natijahnya kurang merosakkan seperti pembohongan yang tidak masuk akal, pembohongan dengan tokok tambah untuk menarik minat dan pembohongan dengan tujuan humor.

Berasaskan penerangan ini jelas menunjukkan bagaimana larangan ini mempengaruhi seseorang untuk memperbaiki dan menyucikan aspek dalaman yang menjadi punca berlakunya pembohongan. Pembohongan boleh berlaku untuk tujuan-tujuan dunia atau disebabkan kejahilan diri dalam memahami agama atau ajaran Buddha. Tanpa pembersihan dalaman, kecenderungan seseorang untuk berbohong adalah tinggi. Sifat-sifat buruk dalam jiwa menjadi pemangkin seseorang mempengaruhi tindakan-tindakan buruk jasmani termasuklah bercakap bohong.

Keduanya, pertuturan yang betul dalam konteks tidak memfitnah atau mengeluarkan kata-kata yang boleh membawa keburukan kepada orang lain. Memfitnah didefinisikan sebagai ucapan atau kata-kata yang bertujuan mewujudkan permusuhan dan perpecahan, merenggangkan seseorang dengan yang lain dan membawa kepada pertelingkahan dan masalah (Sayadaw, 1998 ; Boddhi, 1999). Pemangkin atau motif berlakunya fitnah atau kata-kata yang boleh menjejaskan reputasikan seseorang adalah pelbagai. Bodhi (1999) menerangkan antara sebab-sebab berlakunya fitnah ialah perasaan tidak suka, rasa geram kepada kejayaan pesaing atau kebajikannya. Seseorang berniat menjatuhkan air mata seseorang dengan merendah-rendahkannya. Motif lain seperti niat kejam untuk mencederakan seseorang atau nafsu jahat untuk memenangi kasih sayang seseorang. Sama seperti punca berlakunya pembohongan, berlakunya kata-kata fitnah adalah bersumberkan hati yang tidak suci dan bersih iaitu hati yang diselaputi api kebencian dan kemarahan. Hati yang busuk ini perlu dibersihkan supaya tidak menimbulkan masalah kepada orang lain. Larangan tidak memfitnah dan memburukkan orang lain juga menjadi pemangkin seseorang untuk menyucikan aspek dalaman sekaligus membolehkan larangan tidak memfitnah dilaksanakan.

Ketiga, Bodhi (1999) menjelaskan perkataan yang kasar ialah perkataan yang dituturkan ketika marah, bertujuan menyakiti orang yang mendengarnya. Terdapat tiga bentuk pertuturan yang kasar. Pertama, pertuturan yang kesat atau makian seperti mengherdik, mencerca atau menegur seseorang dengan perasaan marah dan kata-kata yang pahit. Keduanya, pertuturan yang menghinakan orang lain dengan sesuatu yang boleh menjatuhkan maruah dan penghinaan kepadanya. Ketiganya, pertuturan dalam bentuk sindiran yang menyakitkan seseorang. Rahula (1974) menjelaskan perkataan yang kasar sama ertinya dengan perkataan yang tidak sopan, berniat jahat dan bahasa yang kesat. Punca kepada pertuturan yang

kasar ini ialah sifat bersangatan tidak suka, keangkuan yang membentuk kemarahan (Bodhi, 1999; Sayadaw, 1998). Bodhi ketika menerangkan pertuturan Buddha menjelaskan dia mengelakkan bahasa kasar dan menjauhi daripadanya. Percakapannya adalah lembut, senang mendengarnya, cinta, setiap perkataan pergi ke dalam hati, penuh dengan budi bahasa, mesra dan dipersetujui oleh ramai. Kesimpulannya di sini, perkataan yang kasar ialah perkataan yang diluar adab dan tatatusila manusia. Secara semulajadinya, manusia suka kepada kata-kata yang lembut, menyentuh hati dan penuh dengan hikmah. Kata-kata yang menyenangkan akan mempengaruhi hubungan seseorang dengan seseorang yang lain. Hati yang bersih dan tenang akan mengeluarkan kata-kata yang bersih dan memberi ketenangan.

Keempat, pertuturan yang kosong ialah pertuturan yang sia-sia. Pertuturan yang tiada tujuan dan pemikiran yang mendalam. Seperti pertuturan komunikasi yang tiada nilai dan hanya mendorong kepada kekotoran pemikiran seseorang (Bodhi, 1999). Selain itu pertuturan yang sia-sia juga merujuk kepada pertuturan yang tidak mengandungi matlamat yang bernilai, yang tidak mempunyai maksud yang benar dan tidak membawa kepada perlakuan yang baik dan tidak memberi inspirasi kepada orang yang mendengar (Sayadaw, 1998). Bodhi berkata, Buddha menasihatkan supaya pertuturan hanya kepada perkara yang betul-betul asli dan penting. Beliau hanya bercakap pada masa yang betul, bertepatan dengan fakta dan hanya berkata perkara yang berguna. Rahula (1974) menambah seperti pertuturan yang merapu, tidak berguna dan gosip. Mengawal pertuturan dari perkara yang sia-sia adalah satu usaha yang memerlukan pembersihan jiwa. Tanpa jiwa yang bersih, seseorang tidak mampu mengawal tutur kata supaya setiap perkataan yang keluar dapat memberikan mnafaat kepada dirinya dan orang lain. Maka tidak hairanlah diam lebih baik dari berkata-berkata perkara yang sia-sia dan tidak membawa sebarang manfaat.

Akhirnya, sebagai bahan dialog peradaban dinyatakan aspek nilai-nilai-nilai persamaan yang boleh dikongsi dari kacamata Islam. Al Quran ada menyatakan panduan berkaitan lisan. Antaranya ialah berkaitan suruhan bercakap hanya kepada perkara-perkara benar. Perkara ini dinyatakan dalam al-Quran berkaitan larangan perkataan dusta (22:30) terutamanya pendustaan kepada Allah SWT yang dianggap zalim dan dibalas dengan siksaan yang menghinakan (6:93) dan memperkatakan apa yang tidak dilakukannya yang mengundang kemurkaan Allah SWT (61: 1-2). Begitu juga larangan membuat fitnah atau kata-kata yang boleh menjejaskan reputasi serta nama baik orang lain dan kata-kata yang boleh menimbulkan kebencian dan permusuhan. Allah SWT jelas mengharamkan fitnah yang keburukan melebihi membunuh orang (2: 191,217). Juga, larangan menuturkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan reputasi orang lain seperti mengumpat yang diumpamakan sebagai memakan daging saudaranya sendiri yang telah mati dan bersangka buruk (49:12). Begitu juga menuduh orang berbuat zina (24:23). Allah SWT

juga melarang pertuturan yang boleh menimbulkan permusuhan seperti pertuturan yang menyakitkan orang lain (49:11) dan tidak melakukan perkara-perkara mungkar dan permusuhan (19:90). Islam juga melarang berkata perkara – perkara atau perkataan yang sia-sia yang tidak memberikan manfaat sama ada kepada diri atau orang lain. Dalam Islam, larangan ini dikaitkan dengan malaikat yang mengawas manusia sepanjang masa.(50:16-18).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, konsep Pertuturan Yang Betul memerlukan sepenuhnya penyucian dalaman merangkumi hati dan pemikiran. Aspek penting yang bersangkutan dengan konsep Pertuturan Yang Betul ialah soal kebencian dan kemarahan yang menjadi sebab berlakunya pertuturan yang tidak betul. Kedua-dua unsur ini pula ialah antara faktor penting yang menjadi punca atau sebab musabab munculnya dukkha. Oleh itu, Pertuturan Yang Betul secara tidak langsung melatih penganut Buddha menghentikan api kebencian dan kemarahan yang menjerumuskan mereka kepada dukkha. Selain itu, Pertuturan Yang Betul mendorong seseorang mempraktikkan jalan-jalan kebajikan dan hubungan kasih sayang manusia dengan manusia yang lain. Maka sebab itulah penyucian melalui jalan ketiga dari Jalan Lapan Lapis Mulia ini mencerminkan tekad penganut Buddha untuk membersihkan penyakit-penyakit dalaman seperti irihati, kebencian, tamak, gelojoh, delusi, keseronokan, keangkuhan dan lain-lainnya yang mencetuskan kepada pertuturan yang tidak betul dan salah. Seumpama seketul najis, sekiranya seketul najis berada didalam tubuh badan, tidak akan berlaku masalah. Sebaliknya, sekiranya seketul najis ini keluar maka ia akan membawa masalah yang pelbagai seperti bau busuk, kotor, ketidak selesaian dan sebagainya. Samalah halnya dengan kata-kata yang buruk dan tidak benar. Sekiranya tidak dikeluarkan ianya tidak membawa masalah dan jika sebaliknya pelbagai masalah dan bencana akan menimpa manusia. Jadinya, Pertuturan Yang Betul adalah penting bagi penganut Buddha untuk dipraktikkan.

Perkara yang hampir sama dimaksudkan Dhammananda. Dhammananda (2002) menerangkan kepentingan berkata benar dengan mengatakan bahawa percakapan kasar adalah lebih melukai daripada senjata. Sebaliknya percakapan yang manis berupaya mengubah hati serta minda (fikiran) penjenayah yang paling jahat. Oleh itu, untuk membina satu masyarakat yang harmoni, kita seharusnya mengawal, memupuk dan menggunakan pertuturan yang positif. Sayadaw (2008) menegaskan manusia harus bercakap menggunakan kata-kata yang benar, membawa keharmonian, berunsur baik dan bermakna. Buddha pernah menyebut bahawa pertuturan yang menyenangkan adalah manis seperti madu, pertuturan benar adalah cantik adalah ibarat sekuntum bunga, manakala pertuturan salah adalah tidak luhur ibarat najis.

Konsep Pertuturan Yang Betul ini banyak yang menepati apa yang dikehendaki oleh Islam. Islam dan Buddhism mahu manusia berbuat baik kepada diri sendiri dan orang lain dengan suruhan berkata yang baik-baik yang memberi manfaat kepada semua pihak. Inilah nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang boleh dikongsi bersama dan dijadikan dialog peradaban. Dari sudut perbezaan, pentafsiran atau pendetailan setiap persamaan itu mungkin berbeza dan memerlukan kajian lanjutan. Begitu juga unsur-unsur ketuhanan atau teologi yang tidak ada dalam Buddhism. Islam mengaitkan suruhan dan larangan ini perintah Allah SWT dan berkaitan malaikat yang sentiasa mengawasi manusia. Perkara ini tidak wujud dalam Buddhism.

RUJUKAN

Al Quran Al Karim

Bodhi (1999). *The Noble Eightfold Path The Way To The End Of Suffering*. Sri Lanka : Buddhist Publication Society.

Bodhi (2000). *The Connected Discourses Of The Buddha. A New Translation Of The Samyutta Nikaya*. Boston : Wisdom Publications.

Dhammananda, K Sri (2000). *How To Practice Buddhism*. Kuala Lumpur: Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society.

Dhammananda, K Sri (2002). *What Buddhist Believe*. Kuala Lumpur : Buddhist Missionary Society Malaysia.

Nanamoli & Bodhi (1995). *The Middle Length Discourses Of The Buddha. A New Translation Of Majjhima Nikaya Translated From The Pali*. Sri Lanka : Buddhist Publication Society.

Nyanatiloka (1967). *The Word Of Buddha. An Outline Of The Teaching Of The Buddha In The Words Of Pali Canon*. Ceylon : Buddhist Publication Society.

Nyanatiloka (1980). *Buddhist Dictionary. Manual Of Buddhist Term And Doctrines*. Edisi Empat. Sri Lanka : Buddhist Publication Society.

Rahula, Walpola (1974). *What The Buddha Taught*. Edisi Kedua. New York : Grove Press.

Sayadaw, Ledi (1998). *The Noble Eightfold Path And Its Factors Explained*. Sri Lanka : Buddhist Publication Society.

Sayadaw, Tipinadhara Migun (2008). *Riwayat Agung Para Buddha*. Indonesia : Ehipassiko Foundation & Giri Maigala Publications.

Snelling, John (1991). *The Buddhist Handbook*. Vermont : Inner Traditions

Wijayaratna, Mohan (1990). *Buddhist Monastic Life According To The Text Of The Theravada Tradition*. Cambridge : Cambridge University Press.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.